

Latihan 1

Susun semula perkataan/frasa di bawah supaya menjadi ayat susunan biasa yang gramatis. Ayat yang dibina mestilah menepati pola ayat dasar yang ditetapkan. Gunakan semua perkataan yang diberikan tanpa menambah apa-apa perkataan yang lain.

Contoh:

Soalan: mahal itu harganya. Kasut

Pola – FN+FA

Jawapan: Kasut itu mahal harganya.

1. Proton ini Malaysia. berwarna buatan biru Kereta

Pola – FN+FN

2. kereta api cantik. untuk perempuan Gerabak sahaja penumpang itu sungguh

Pola – FN+FA

3. Murid itu Puspawangi. bernama perempuan

Pola – FN+FK

4. sudah durian di Buah belakang Pak Lazim gugur. Rumah

Pola – FN+FSN

Latihan 2

Analisis pola ayat dasar bagi ayat-ayat di bawah ini sama ada FN+FN atau FN+FK atau FN+FA atau FN+FSN.

Contoh: Wad bersalin di tingkat bawah Blok B.

Pola Ayat : FN+FK

1. Bangunan kelab sukan di penjuru jalan itu sudah usang benar.

Pola ayat: _____

2. Tuala mandi berwarna merah itu kepunyaan perenang negara.

Pola ayat: _____

3. Gunung Kinabalu yang tertinggi di Asia Tenggara itu di Sabah.

Pola ayat: _____

4. Semua pemain sepak takraw pasukan itu dari Kampung Bahagia.

Pola ayat: _____

5. Gelang emas yang dihadiahkan kepada isterinya itu cantik sungguh.

Pola ayat: _____

6. Puspa mengemas bilik tidurnya setiap pagi.

Pola ayat: _____

7. Kayu pembaris kepunyaan abang Foo Ying dipinjamkan kepada cikgu.

Pola ayat: _____

8. Penyanyi muda yang berkasut kulit buatan Itali itu adik Mat Rashid.

Pola ayat: _____